

TEKS UCAPAN

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENERIMAAN JAWATAN
AHLI MAJLIS- AHLI MAJLIS MPSP 2017
6 JANUARI 2017 (JUMAAT), JAM 8:45 PAGI
DI DEWAN KENANGA, MPSP**

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang

Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon

Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat Tuan Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri 2

Y.B. Dato' Seri Hj Farizan bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan
Tebatan Banjir

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Berbahagia Dato' Hjh Patahiyah Ismail

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Dihormati Tuan-tuan dan Puan-puan

Yang bakal mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Ar Yew Tung Seang

Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Dihormati Puan Vishantini A/P Kanasan

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-Rakan Media

Y.Bhg. Dato'-Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,

.....
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis 2017. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan semua yang hadir pada pagi ini. Tidak terlambat rasanya, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2017 kepada semua.

Kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis tahun 2016 yang telah banyak bekerjasama dalam memberi pandangan dan cadangan serta bersama-sama mentadbir ke arah penyampaian perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2016. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis tahun 2017 yang akan mengangkat sumpah penerimaan jawatan sebagai Ahli Majlis MPSP tahun

2017 sebentar nanti. Pelantikan ini adalah bagi tempoh dari 6 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017.

Pencapaian

Tahun 2016 adalah sangat mencabar namun MPSP telah berjaya menempuhinya. MPSP juga telah berjaya menerima anugerah / pencapaian samada di peringkat negeri, peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa iaitu di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu(United Nations) seperti berikut: (Pencapaian ini telah disenaraikan di dalam ucapan saya di muka surat 4-6).

- a) *Global Human Settlements Outstanding Contribution Award dari The United Nations.*
- b) Anugerah Khas Menteri untuk PBT yang cemerlang dan Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau untuk dua inisiatif iaitu Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan Program Pengkomposan Sisa sempena Sambutan Hari Karnival KPKT 2016
- c) Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dinobatkan untuk menerima dua anugerah oleh Malaysian Institute of Planner (MIP) sempena MIP Planning Excellence Awards 2016 MPSP iaitu *Recognition Awards* berdasarkan pencapaian dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MPSP sejajar

dengan *good governance dan Sustainable Development* dan *Merit Awards* bagi Kategori *Community Based Planning Category* yang dianugerahkan kepada *Project Butterworth Baharu Programme : Community Engagement Approached in Pekan Lama Regeneration Plan*.

d) Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang iaitu:

- i. Johan (*Anti-Theft Sliding Door For Lamp Post (A-Test Door)*) dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii. Naib Johan (Alat Perangkap Lalat) dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan
- iii. Tempat Ketiga (*eMahkamah*) dalam kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- iv. Anugerah Khas (Kad Pemberitahuan Tunggakan Cukai Taksiran) dalam kategori Pengurusan Kewangan

e) Anugerah Persembahan Terbaik dalam Konvensyen Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK) 2016 peringkat Negeri Pulau Pinang melalui tajuk projek Masalah Mengenalpasti Binaan Tanpa Kebenaran (*Freeriders*) Untuk Tujuan Kadaran oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. MPSP telah berjaya mendapat penghargaan sebagai

Persembahan Terbaik Kumpulan KIK untuk tiga (3) tahun berturut-turut.

- f) MPSP telah berjaya tersenarai antara lapan (8) PBT yang terbaik dalam kategori Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016
- g) MPSP telah berjaya mendapat 5 Bintang di dalam Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan 2016
- h) MPSP telah tersenarai dalam *The Malaysia Book of Records (MBR)* atas pencapaian sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Pertama yang mendapat enam (6) persijilan Sistem Pengurusan Kualiti iaitu:
 - 1. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS)
 - 2. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS)
 - 3. Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
 - 4. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS)
 - 5. Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS)
 - 6. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)

Walaupun MPSP telah mencapai banyak anugerah dan telah diberi Anugerah PBT Paling Cemerlang di Malaysia oleh KPKT pada 3 Disember 2016 sempena Hari Karnival KPKT 2016, namun

kami tidak leka dengan pencapaian ini. Malah kami akan lebih gigih lagi untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kami.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Fokus 2017

Pada tahun 2017, Majlis Perbandaran Seberang Perai akan berdepan dengan pelbagai cabaran seperti persekitaran ekonomi, sosial dan pembangunan yang semakin mencabar. Majlis Perbandaran Seberang Perai membuat perancangan yang teliti agar program dan aktiviti yang direncanakan dapat memenuhi keperluan dan kehendak warga Seberang Perai. Pada tahun 2017, MPSP mempunyai 9 fokus utama yang telah digubal bersama ahli majlis dan melalui penglibatan komuniti dalam sesi Town Hall Bajet Dialog yang diadakan akhir tahun 2016. 9 fokus tersebut:

1. Kebersihan
2. Keselamatan & Lalulintas
3. Penguatkuasaan
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti

7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja

Fokus MPSP 2017 ini adalah kesinambungan dari Fokus MPSP 2016. Sebanyak 97 program dan 151 aktiviti dan 155 KPI telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini. Pelancaran Fokus 2017 akan dibuat sebentar lagi oleh YAB Ketua Menteri.

Isu kebersihan masih menjadi keutamaan dalam Fokus 2017. Kebersihan meliputi pengurusan sisa pepejal, kebersihan tandas, pasar, kompleks makanan dan kemudahan awam (*public spaces*) di MPSP.

Oleh itu bermula dari tahun 2014, MPSP telah melaksanakan Program Taman Bersih. Tahun 2017, sebanyak 9 taman/kawasan telah dipilih untuk ditransformasikan dari segi kebersihan.

Program Anak Angkat Kebersihan juga akan dijalankan untuk mencapai *cleaner, greener, safer, healthier & happier Seberang Perai* iaitu di 8 lokasi seperti berikut:

- Taman Selat(SPU)

- Bandar Butterworth (SPU)
- Pekan Sungai Dua (SPU)
- Pekan Kepala Batas (SPU)
- Bandar Sunway (SPT)
- Bandar Perda (SPT)
- Bukit Mertajam (SPT)
- Jalan Atas (SPS)

Saya berharap, pada penghujung tahun 2017, akan terdapat transformasi bagi 8 kawasan yang dipilih.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada tahun 2017, Program Butterworth Baharu dan *BM My Home* akan diteruskan dengan kerjasama dari Think City, Yokohama City Council, Yokohama City University, JICA dan USM.

Seberang Perai yang selamat, pintar, berdaya tahan (*resilient*) , inklusif dan mamapan adalah sasaran kami bagi tahun 2017 dengan meningkatkan sistem ICT dan *Big Data Analysis* (BDA) di MPSP. Hari ini, *Mobile Apps MPSP* akan dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri.

Mobile Apps MPSP ini direkabentuk secara *in-house* mengikut keperluan MPSP dan maklum balas orang ramai bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan MPSP. Untuk menjadikan Seberang Perai bandar pintar, *Mobile Apps MPSP* adalah *one of the many "First" for MPSP* di negara kita selain dari MBR untuk 6 persijilan ISO.

Dalam proses ke arah bandar pintar, MPSP telah melangkah ke fasa 2 iaitu *Smart Monitoring System* kepada *Smart Eye*. *Smart Eye* adalah untuk membantu pegawai-pegawai di lapangan untuk memantau kerja masing-masing dengan menggunakan *smart phone*.

Data CCTV Majlis juga digunakan untuk membantu mengesan selain dari keselamatan, CCTV juga digunakan untuk mengesan kesesakan lalulintas, longgokan sampah haram, kebersihan dan banjir.

MPSP juga sedang bekerjasama dengan WeGO dari Seoul untuk menggunakan ICT dalam memantau lampu jalan dan lampu isyarat. Untuk *Public Space*, MPSP telah mendapat kolaborasi

dengan *UN-Habitat* dengan mendapatkan peruntukan dari *UN-Habitat*.

Pembangunan

Dalam langkah mempercepat proses kelulusan untuk pembangunan (Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan, Pelan Landskap dan Perihal Tanah) MPSP telah mengikut Garis Panduan Penambahbaikan OSC 3.0 KPKT mulai 1 April 2015. MPSP juga telah mula melaksanakan Prosedur Pengemukaan dan Pemprosesan Permohonan Secara Online (OSC Online) mulai 1 Februari 2016. Langkah tersebut merupakan antara usaha daripada MPSP dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam bidang hartanah.

Di sini, suka juga saya maklumkan bahawa bagi pembangunan di Seberang Perai, terdapat banyak permohonan pembangunan yang diterima oleh MPSP.

Sehingga Mesyuarat terakhir Jawatankuasa OSC Bil.24/2016 pada Disember 2016, direkodkan sejumlah 1,331 permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,026

permohonan (77.08%) telah diputuskan. Berdasarkan permohonan yang telah diputuskan tersebut, sebanyak 928 permohonan atau 90.45% berjaya diselesaikan Dalam Piagam iaitu meningkat sebanyak 5.52% berbanding tahun 2015 yang hanya mencatatkan pencapaian 84.93% bagi permohonan selesai Dalam Piagam.

Permohonan pembangunan terbanyak adalah di Seberang Perai Tengah dan diikuti masing-masing di Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Utara.

Seberang Perai menjadi tumpuan pembangunan di Pulau Pinang. Pada tahun 2015, *Gross Development Value* yang dijana oleh pembangunan di Seberang Perai adalah RM2,810,885,968. Manakala bagi tahun 2016, bagi tempoh Januari sehingga Disember 2016, pembangunan hartanah di Seberang Perai telah menjana sebanyak RM1,670,956,885

Pada tahun 2017, Majlis Perbandaran Seberang Perai akan terus komited dalam memacu pembangunan mampan di Seberang Perai, selari dengan hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk

menjadikan Pulau Pinang sebagai hub nasional dan serantau bagi pelancongan, perkhidmatan dan industri berteknologi tinggi.

Pelancongan dan Warisan

Sebagai makluman YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, MPSP telah mengadakan *Seberang Perai International Conference on Eco-Tourism and Conservation Efforts (SPICEC 2016)* pada tahun lepas. Hasil dari konferen tersebut, satu unit baru iaitu Unit Pelancongan, Warisan dan Seni telah ditubuhkan untuk mengkaji, merancang dan melaksanakan program dan kegiatan pelancongan di Seberang Perai bersama agensi-agensi berkaitan. Majlis akan menyediakan dokumentari mengenai Pelancongan, Eko-Pelancongan dan Warisan bagi mempromosikan pelancongan di Seberang Perai disamping bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk mempromosikan pelancongan di Seberang Perai.

Mitigasi Banjir

Pada tahun 2016, banyak isu banjir dibangkitkan dalam akhbar. MPSP telah menyediakan RM10.43 juta untuk tujuan penyelenggaraan rumah pam, parit monsoon, kolam takungan dan juga akan meneruskan projek kawalan banjir dengan peruntukan

wang caruman yang akan dipohon dengan Jawatankuasa Tebatan Banjir Kerajaan Negeri. Saya berharap JKKK, Penduduk & Ahli Majlis dapat bekerjasama untuk menangani masalah banjir di kawasan masing-masing.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada tahun 2017, bajet MPSP adalah defisit RM 21.81 juta dimana peruntukan berjumlah RM279.13 juta berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM257.32 juta. MPSP akan terus mengamalkan budaya pengurusan kewangan yang teratur dan cekap dengan menerapkan amalan perbelanjaan berhemah dan “*value for money*” bagi mengelakkan pembaziran dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti dan integriti di dalam pengurusan kewangan MPSP.

Dasar Pengasingan Sisa di Punca 1/6/2016

Saya ingin memaklumkan disini sejak bermulanya pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca (*Segregation At Source*) pada 1 Jun 2016, jumlah kutipan barang kitar semula oleh MPSP dari kawasan perumahan di seluruh Seberang Perai sehingga

November 2016 adalah sebanyak 200,266 kg. Kadar kitar semula MPSP dari Januari hingga November adalah 34.94%.

Dari kajian yang dijalankan oleh Penang Institute, pada tahun 2016, kadar penjanaian sampah telah turun dari 1.6kg/orang/hari kepada 1.3kg/orang/hari, penurunan adalah sebanyak 20%.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kami akan terus berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat supaya rakyat / pembayar cukai boleh rasa, sentuh dan lihat. Saya juga berharap rakyat / pembayar cukai dapat bekerjasama / berganding bahu dengan MPSP supaya MPSP (kami) juga dapat rasa, sentuh dan lihat kerjasama dan komitmen dari masyarakat kepada MPSP untuk menjadikan Seberang Perai lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat, lebih sihat dan lebih ceria.

Pada kesempatan ini, saya bagi pihak semua kakitangan MPSP sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tahun

2017 adalah merupakan tahun yang amat mencabar bagi MPSP. Kami akan bekerjasama dengan Ahli Majlis sebagai satu pasukan yang mantap untuk memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik untuk menjadikan Seberang Perai bandar pintar dan bertaraf antarabangsa.

Dengan harapan tersebut saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.